

# Ganjaran pemimpin sekolah cemerlang dorong tingkat kualiti pendidikan

**D**EWASA ini banyak usaha dilakukan oleh pihak kerajaan, terutama Kementerian Pelajaran untuk memberi ganjaran kepada pemimpin sekolah cemerlang. Usaha ini perlu berterusan dalam melahirkan lebih ramai pemimpin sekolah yang berperibadi unggul dan dapat menjana ummah gemilang.

Tawaran baru kepada pemimpin sekolah adalah satu inisiatif yang diperkenalkan kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan. Tujuannya ialah memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada pengetua dan guru besar yang dapat meningkatkan kualiti keberhasilan murid menerusi peningkatan prestasi pemimpin sekolah.

Pemimpin sekolah diberi perhatian utama kerana mereka memberi impak ketara kepada kecemerlangan murid menerusi tiga kriteria utama iaitu kepimpinan instruksional, ejen perubahan utama dan mewujudkan persekitaran yang kondusif.

Kajian dan tulisan beberapa tokoh dalam bidang pengurusan menunjukkan bahawa kepemimpinan memainkan peranan penting untuk menentukan kelicinan, kecekapan dan keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi termasuklah sekolah. Tidak dapat dinafikan, sekolah mengalami dan menghadapi pelbagai perubahan seperti dari segi kurikulum, kaedah pengajaran, dan kegiatan kokurikulum, dalam usaha menyahut harapan masyarakat dan negara yang semakin mencabar.

Semua ini menyebabkan pemimpin sekolah, sebagai pengurus, menghadapi cabaran yang lebih besar yang memaksa mereka sentiasa peka, kreatif, dan inovatif dalam menangani pelbagai masalah pengurusan harian mereka. Mereka perlu berani melaksanakan perubahan dan pembaharuan secara proaktif. Penilaian masyarakat terhadap sistem pendidikan secara kualitatif dan kuantitatif juga memaksa pemimpin sekolah untuk terus memberi perkhidmatan terbaik.

Diharapkan di bawah tawaran baru ini, pemimpin sekolah sanggup menyahut cabaran dan berani mengurus perubahan dalam usaha menjana modal insan yang mampu bersaing di persada global. Keberanian pemimpin sekolah menyahut cabaran serta menongkah arus perubahan sistem pendidikan akan menyumbang kepada dinamika dunia pendidikan.

**PROF MADYA DATIN  
DR SAPORA SIPON,**

*Universiti Sains Islam Malaysia  
(USIM).*